

# FUNGSI BUNGA-BUNGAAN DALAM TEKS PANTUN MELAYU ‘BINGKISAN PERMATA’

AZYANTEE MOHD ZAWAWI\*

NURMASITAH MAT HASSAN\*\*

NORDIANA AB JABAR\*\*\*

azyanzarra@gmail.com\*, mhnurmasitah@gmail.com\*\* (*Penulis Koresponden*),  
nordiana.aj@umk.edu.my\*\*\*

## Abstrak

Alam mempunyai unsur pengaruh yang kuat dalam kehidupan tradisi masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Keutuhan hubungan yang terjalin di antara masyarakat Melayu dengan alam sekitar telah membentuk satu pengaruh unik khususnya penggunaan unsur alam sebagai motif dalam aspek kesenian dan kebudayaan Melayu. Keupayaan mengolah unsur alam khususnya flora sebagai pembayang dalam menghasilkan pantun membuktikan penggunaan daya kreativiti yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu. Makalah ini dihasilkan bertujuan untuk membincangkan tentang fungsi tumbuhan terutamanya jenis bunga-bungaan yang terdapat di alam Melayu dan mempunyai fungsi tertentu. Kajian ini juga meneliti kepelbagaiannya unsur flora yang digunakan sebagai pembayang dalam menghasilkan pantun. Selain itu, kajian ini juga meneliti pemilihan motif alam flora terutamanya aspek bunga-bungaan dalam pantun Melayu. Jenis-jenis bunga yang terdapat dalam pantun Melayu kebiasaannya dijadikan sebagai pembayang dan juga maksud pantun. Bagi tujuan menjalankan kajian tersebut, analisis dilakukan melalui koleksi pantun yang terdapat dalam teks *Pantun Melayu Bingkisan Permata* (PMBP). Hasil kajian mendapatkan penjenisan bunga yang terdapat dalam pantun Melayu mempunyai kepelbagaiannya fungsi antaranya sebagai bahan makanan, alat kosmetik, alat terapi, simbol dalam upacara atau ritual, dan berfungsi sebagai bahan dalam perubatan tradisional masyarakat Melayu

**Kata kunci:** *bunga, fungsi, pantun*

Dihantar: 13 September 2022

Disemak: 25 September 2022

Diterbit: 30 September 2022

\* Pelajar di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.

\*\* Pelajar di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.

\*\*\* Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia.



# THE FUNCTION OF FLOWERS IN THE TEXT OF THE MALAY POEM ‘BINGKISAN PERMATA’

AZYANTEE MOHD ZAWAWI\*

NURMASITAH MAT HASSAN\*\*

NORDIANA AB JABAR\*\*\*

azyanzarra@gmail.com\*, mnurmasitah@gmail.com\*\*(*Corresponding Author*),  
nordiana.aj@umk.edu.my\*\*\*

## **Abstract**

*Nature has had a vital element of influence in the traditional life of the Malay community since time immemorial. The integrity of the relationship between the Malay community and the environment has formed a unique influence, especially the use of natural elements as motives in aspects of Malay art and culture. The ability to process the elements of nature, especially flora, as a hint in producing poems proves the use of high creativity among the Malay community. This paper aims to study the function of plants, especially the types of flowers found in the Malay world and have certain functions. This study also examines the diversity of flora elements used as hints in producing poems. In addition, this study also examines the selection of motifs of flora, especially the aspect of flowers in Malay poetry. The types of flowers found in Malay poems are usually used as a hint and also the poem's meaning. To conduct the study, the analysis was done through a collection of poems found in the text of “Pantun Melayu Bingkisan Permata” (PMBM). The results of the study found that the types of flowers found in Malay poems have a variety of functions such as food, cosmetics, therapy tools, symbols in ceremonies or rituals, and serve as material in the traditional medicine of the Malay community*

**Keywords:** flower, function, poem

Submitted: 13 September 2022

Revised: 25 September 2022

Published: 30 September 2022

\* Student at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia

\*\* Student at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia

\*\*\* Senior Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Malaysia



## 1.0 Pendahuluan

Kajian tentang fungsi tumbuh-tumbuhan terutamanya jenis bunga-bungaan telah banyak dilakukan oleh pengkaji tempatan dan luar negara. Kebanyakan perbincangan yang dilakukan oleh sarjana tentang hubungan alam sekitar dengan manusia adalah bersandarkan sudut pandangan Barat dan Sains moden semata. Rata-rata berpendapat bahawa orang Barat merupakan pelopor utama dalam mengkaji pengetahuan tentang aspek penjagaan alam sekitar. Faezah Kassim (2005) dalam penulisan beliau berpendapat bahawa orang Barat merupakan golongan yang bertanggungjawab dalam mengubah pemikiran masyarakat di seluruh dunia tentang perihal pentingnya menjaga hubungan baik di antara manusia dan alam sekitar. Namun begitu, sejak manusia mula membina tamadun bermula dari zaman Yunani hingga zaman kegemilangan Islam, manusia sememangnya menyedari kepentingan menjaga alam sekitar.

Kajian tentang fungsi bunga dalam pantun Melayu ini dilakukan bagi mengkaji keunikian dan kepelbagaiannya yang merangkumi ekosistem tumbuh-tumbuhan yang terdapat di Malaysia. Tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam hutan di Malaysia telah banyak memberi manfaat kepada penduduk terutamanya bagi masyarakat pribumi. Namun begitu, arus pemodenan yang giat berlangsung seakan menghakis hubungan silang yang wujud antara budaya, tumbuh-tumbuhan dan manusia. Merujuk aspek hubungan manusia dan alam semula jadi, persekitaran alam semulajadi memiliki sumber penting kepada kehidupan di sekelilingnya sama ada manusia maupun haiwan.

Hubungan antara alam tumbuhan dan bahasa maupun masyarakat juga telah banyak dikaji daripada kepelbagaiannya disiplin ilmu. Antaranya adalah daripada perspektif kesusastraan, kebudayaan dan aspek linguistik. Menerusi kajian linguistik, hubungan yang terbentuk antara bahasa dan alam sekitar dapat diteliti menerusi pendekatan ekolinguistik (*ecolinguistics*), yang menggabungkan ilmu ekologi dan ilmu linguistik. Secara umum, ekologi meneliti hubungan antara organisme yang terdiri daripada tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia dengan persekitaran atau lingkungannya, manakala linguistik pula ialah bidang ilmu yang meneliti struktur, variasi dan penggunaan bahasa. Haugen (1972) berpendapat bahawa, gabungan bidang-bidang ini menghasilkan satu definisi ekolinguistik iaitu sebagai kajian tentang interaksi silang bahasa dengan persekitaran atau lingkungan sesuatu bahasa tersebut.

Za'ba (1965) mendefinisikan pantun sebagai puisi Melayu tertua dan milik eksklusif orang Melayu. Pantun Melayu telah dituturkan sejak zaman-berzaman dan merangkumi kepelbagaiannya aspek kehidupan masyarakat di Nusantara dengan fungsinya yang tersendiri. Antara fungsi pantun ialah untuk menyampaikan buah fikiran dan perasaan, sebagai satu bentuk hiburan, malahan menjadi medium dalam menerapkan didikan dalam kalangan masyarakat, dan sebagai satu medium pengucapan sosial. Sejarah dengan pandangan yang dilontarkan Daililie (1990, dlm Kartini, 2016) bahawa pantun Melayu merakamkan pelbagai ruang lingkup aspek kehidupan dalam kalangan masyarakat Melayu. Merujuk kepada struktur pantun pula terbina daripada pembayangan pantun dan maksud pantun.

Menurut Nurul Aminah dan Hasnah (2014), budaya Melayu banyak menyelitkan unsur alam dalam gubahan seni dan anyaman yang merujuk kepada kehidupan masyarakat. Sudut pemikiran masyarakat Melayu dilihat dan ditentukan melalui aspek interaksi ideanya dengan alam. Unsur-unsur alam dalam pantun adalah satu-satunya wadah yang indah, impresif dan sangat berkesan untuk menyampaikan atau meluahkan sesuatu yang terpendam di hati, maka



keunikan pantun-pantun lama yang banyak memasukkan unsur-unsur alam ini tidak sepatutnya dipandang remeh oleh masyarakat, sebaliknya harus dimartabatkan serta dikekalkan penzahiran pantun tradisional ini supaya ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas’.

Merujuk pantun Melayu ini, tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam pantun bukan sahaja berfungsi sebagai entiti alam yang bersinonim dengan intipati makna pantun. Dalam erti kata lain, tumbuh-tumbuhan turut disertakan dengan deskripsi profilnya dari segi habitat dan aspek ciri botani, di samping maklumat tentang khasiat, kandungan, lokasi tumbuh-tumbuhan, jenis, petua dan penggunaan. Memetik pendapat Brower et al. (1998), habitat merupakan tempat di mana sesuatu organisma atau sekumpulan organisma itu menetap dan tinggal dan bercirikan sifat-sifat geografi iaitu fizikal, kimia dan biotik (hidupan iaitu tumbuhan, haiwan dan manusia).

Dapatlah disimpulkan bahawa, habitat merupakan persekitaran atau lingkungan alam yang dihuni oleh kepelbagaian haiwan, tumbuhan dan manusia. Manakala melihat kepada ciri botani pula, ciri botani merujuk kepada ciri dan sifat yang terdapat pada tumbuhan contohnya, merujuk aspek ketinggian, jenis akar, batang, rupa, bentuk daun dan bunga, warna, aroma, rasa, cara pertumbuhan misalnya secara menegak, rumpun, dan menjalar. Kategori leksikon tumbuh-tumbuhan dan deskripsi profilnya dalam data pantun akan diteliti dan dirincikan, kemudian dikemukakan dalam bahagian ini (Brower et. All, 1998).

Dairi dan Dwi Widiyati Nurlela (2015), menerusi penelitian terhadap perubahan fungsi sosioekologi leksikal flora dalam bahasa Pakpak Dairi. Kajian dilakukan di desa Uruk Gedang, Kabupaten Dairi di Sumatera Utara. Hasil penelitian tersebut mendapati 200 leksikal flora yang mewakili leksikal kayu, leksikal semak, leksikal tanaman, leksikal sayur-sayuran dan leksikal buah-buahan. Selain itu, kajian tersebut juga menjelaskan hubungan semantik yang terdapat dalam 200 leksikal flora bahasa tersebut, misalnya dari segi sinonim, antonim, homonim, homofon, homograf, hiponim dan meronim. Penyusutan pemahaman tentang leksikal flora dalam bahasa Pakpak Dairi juga turut dikesan dalam kalangan penutur bahasa tersebut.

Namun begitu, penghayatan dan semangat cinta akan tumbuh-tumbuhan dalam karya sastera di negara kita masih berkurangan. Puisi tradisional Melayu iaitu pantun merupakan salah satu wadah yang sarat memaparkan wujudnya hubungan yang wujud di antara manusia dengan alam tumbuh-tumbuhan. Manakala warisan pantun Melayu pula sering dikaitkan dengan kehidupan alam yang terkembang. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat sistem alam sekitar dalam pantun Melayu menerusi pendekatan etnobotani.

## 2.0 Soroton Kajian

Menurut pendapat yang dilontarkan Muhammad Remy et. all (2016), ilmu perubatan tradisi Alam Melayu kaya dengan etnobotani yang merupakan cabang ethnoscience yang penting. Etnobotani merupakan dua istilah yang digabungkan iaitu, Etno merujuk kepada “ethnic” iaitu ras, suku kaum ,bangsa dan juga merujuk kepada sesuatu kawasan tertentu. Manakala istilah Botani pula merujuk sub disiplin dari ilmu sains biologi yang berkaitan dengan bahagian-bahagian tumbuhan. Maka gabungan etnobotani adalah satu bidang ilmu yang berkaitan dengan hubungan dan interaksi antara etnik dengan sesuatu unsur tumbuh-tumbuhan. Secara dasarnya ia merujuk kepada satu bidang kajian multi disiplin yang berdasarkan pengetahuan tentang penggunaan tumbuhan oleh sesuatu etnik.



Kartini (2016) dalam kajian beliau tentang profil tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu membincangkan tentang kategori leksikon tumbuh-tumbuhan dan deskripsi profilnya yang terdapat dalam pantun Melayu. Kajian tersebut juga bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan leksikal masyarakat tentang leksikon tumbuh-tumbuhan menerusi pantun Melayu. Data pantun yang menjadi bahan kajian ialah pantun Melayu yang mengandungi unsur tumbuh-tumbuhan dan data tersebut diambil daripada kumpulan pantun “Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu”. Dapatkan kajian beliau mendapati bahawa profil tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu dideskripsikan daripada aspek habitat, ciri-ciri botani, khasiat dan penggunaan sebagai sumber makanan, perubatan, dan sumber ekonomi dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, kajian beliau mendapati bahawa aspek tumbuh-tumbuhan adalah salah satu unsur alam yang sering digunakan dalam penghasilan pantun Melayu. Sebagai contoh, pemilihan leksikal bagi pembayang dalam pantun di bawah menggunakan leksikal padi yang merupakan tanaman yang sinonim dengan kegiatan ekonomi masyarakat Melayu. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi pantun Melayu di bawah::

Marilah kita menanam *padi*,  
*Padi* ditanam di dalam bendang,  
Marilah kita menabur budi  
Supaya kita dikenang orang.

(Kurik Kundi Merah Saga, 2013:608)

Menerusi kajian tersebut juga jelas memaparkan pantun Melayu yang menggunakan sejumlah tumbuh-tumbuhan tempatan sebagai sumber makanan harian. Hal ini jelas disebut dalam rangkap pembayang pantun yang dinyatakan di bawah:

Manis sungguh gula *kabung*,  
Hendak wangi dicampur *pandan*,  
Putus tali boleh disambung,  
Putus kasih merana badan.

(Kurik Kundi Merah Saga, 2013: 196)

Penggunaan leksikal tumbuhan kabung dan pandan yang lazimnya digunakan dalam penghasilan makanan. Gula kabung merupakan sejenis gula yang terhasil daripada pemrosesan air nira pokok kabung. Manakala pandan pula merupakan sejenis daun yang sering digunakan untuk membangkitkan bau harum atau dalam erti kata lain sebagai pewangi sesuatu masakan. Menerusi dapatkan yang dinyatakan dapatlah disimpulkan bahawa tumbuh-tumbuhan sangat berkait rapat dengan kegiatan hidup masyarakat Melayu dan diterjemahkan melalui penzahiran pantun Melayu (Kartini, 2016).

Meneliti pula kajian yang dilakukan Eizah Mat Husin et. all (2015) tentang sudut perspektif puitika sastera Melayu. Penelitian dilakukan menerusi simbol tumbuhan yang terdapat dalam pantun yang mengetengahkan aspek pemikiran masyarakat Melayu yang halus dan kreatif melalui penciptaan pantun. Penghasilan pantun yang menggunakan simbol yang hampir atau berada di sekeliling masyarakat. Beliau juga berpendapat bahawa pantun yang disampaikan mempunyai makna yang tersurat dan tersirat melalui penggunaan simbol tertentu. Justeru, simbol tumbuh-tumbuhan ialah antara salah satu simbol yang sering digunakan dalam penghasilan pantun yang begitu dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu.



Bagi tujuan menjalankan penelitian tersebut, beliau menggunakan buku kumpulan "Pantun Melayu Bingkisan Permata (2001)" yang diselenggara oleh Harun Mat Piah sebagai bahan kajian. Simbol tumbuhan yang diungkapkan secara simbolik dalam pantun adalah bertujuan memberikan kiasan dan saranan sama ada berkaitan dengan nasihat, agama, percintaan, kekecawaan, dan sebagainya. Peranan yang didukung oleh simbol adalah penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, proses penciptaan pantun banyak dipengaruhi oleh kemampuan berfikir dan pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sentiasa berinteraksi dengan alam sekitar (Eizah Mat Husin et. all, 2015).

Seterusnya, meneliti pula kajian Yusmilawati & Noriah (2011) mengenai ramuan flora dan fauna yang dimuatkan dalam mujarabat Melayu. Kajian ini membincarkan tentang ramuan flora dan fauna yang digunakan dalam perubatan masyarakat Melayu. Kajian beliau adalah berdasarkan Teks Mujarabat Melayu yang merupakan sebuah teks yang membincangkan hal-hal perubatan tradisional yang diguna pakai untuk merawat pelbagai jenis penyakit. Teks ini merupakan sebuah teks karya terjemahan oleh golongan alim ulama pada zaman dahulu. Melalui teks ini, cara rawatan tradisional yang menggunakan flora dan fauna bagi merawat sesuatu penyakit.

Secara umumnya, aspek flora atau tumbuhan seringkali dijadikan sebagai salah satu sumber makanan kesihatan iaitu ulam-ulaman dalam hidangan. Terdapat pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan yang dijadikan sebagai ulam-ulaman misalnya ulam pegaga dan timun jika diamalkan dalam pemakanan dapat dijadikan rahsia awet muda. Selain itu, cekur dipercayai dapat merawat sakit tekak, batuk dan demam, manakala bawang dan kunyit pula digunakan bagi tujuan merawat luka dalaman badan (Yusmilawati & Noriah, 2011).

Asep Zainal et. All (2018) dalam kajian beliau tentang memanfaatkan tumbuh-tumbuhan bagi melakukan beberapa upacara adat oleh masyarakat Desa Pangandaran Kecamatan Pangandaran Kabupaten Pangandaran. Kajian secara rinci dilakukan untuk mengenal pasti aspek tumbuh-tumbuhan yang sering digunakan dalam amalan budaya serta upacara tertentu yang menjadi amalan masyarakat di sana. Indonesia juga terkenal sebagai salah satu negara yang memiliki kepelbagaian suku bangsa yang sangat besar. Justeru, keragaman pelbagai suku bangsa ini telah melahirkan kepelbagaian dan perbezaan corak kebudayaan.

Namun begitu, dengan arus modenisasi yang berlaku mutakhir ini menyebabkan upacara adat yang dilakukan oleh masyarakat terdahulu kian terhakis. Upacara adat dan penggunaan aspek tumbuhan dalam kalangan masyarakat semakin berkurangan dan semakin dilupakan. Justeru, melalui kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk meneliti jenis penggunaan flora bagi menjalankan ritual adat istiadat tertentu oleh masyarakat di Desa Pangandaran Kecamatan Pangandaran Kabupaten Pangandaran (Asep Zainal et. All, 2018).

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan beliau juga, masih terdapat lima jenis upacara adat yang masih menjadi amalan dalam kalangan masyarakat di sana iaitu upacara adat hajat laut, empat bulanan, tujuh bulanan, pernikahan dan hajat bumi. Bagi menjalankan upacara adat dalam kalangan masyarakat di sana, terdapat 21 jenis tumbuhan yang sering digunakan. Proses menjalankan upacara adat tersebut, bahagian tertentu tumbuhan yang akan digunakan antaranya ialah bunga, buah dan umbi. Pendapat ini disokong Rahyuni et. All (2013) bahawa bahagian akar, batang, daun, buah, bunga, biji, umbi dan pelepas ialah bahagian yang sering digunakan dalam melakukan upacara adat. Manakala cara bahagian tumbuhan tersebut



digunakan adalah dengan cara merendam, menggantung, dihancurkan, dan dikeruk (Asep Zainal et. al., 2018).

Seterusnya, melihat pula kajian yang dijalankan oleh Farahanum et. al. (2011) unsur flora dan fauna dalam pantun Melayu mengikut interpretasi pragmatik yang berfokuskan kepada pantun yang mengandungi unsur flora dan fauna iaitu makna kata dan perlambangan yang digunakan dalam pantun. Pengkaji memberikan penekanan terhadap aspek tersebut kerana, sekiranya masyarakat tidak memahami sesuatu makna kata atau perlambangan yang terdapat dalam pantun, maka semakin sukar untuk memanfaatkan nilai pantun dalam kalangan masyarakat. Menurut beliau, pendekatan pragmatik merupakan kajian tentang penyampaian makna oleh penutur dan ditafsirkan oleh pendengar atau pembaca. Kajian ini lebih banyak berhubung dengan analisis tentang sesuatu yang dimaksudkan orang dengan sesuatu yang dituturkan dengan makna yang terpisah daripada kata atau frasa yang digunakan dalam tuturan sendiri. Oleh yang demikian, kajian tentang aspek pragmatik merupakan kajian tentang maksud seseorang penutur merangkumi maksud persekitaran atau konteks ujaran yang diterbitkan dalam kegiatan komunikasi (Farahanum Abd. Rahman et. al., 2011).

Menerusi kajian tersebut juga, beliau mendapati bahawa kebanyakan pembayang yang digunakan dalam proses penciptaan pantun dipilih daripada unsur-unsur alam semula jadi iaitu flora dan fauna. Manakala maksud pantun pula membawa kisah-kisah yang berkisar tentang rasa cinta, suka, duka, bahagia dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat menerusi pantun yang disertakan di bawah:

Air pasang dua kali semalam,  
Ambung-ambung dari hulu,  
Adik datang di tengah malam,  
Bunga tanjung berbau dulu.

(Kurik Kundi Merah Saga, 2009)

Penggunaan simbol bunga sama ada secara umum atau khusus membawa kepada makna perempuan. Relevannya, bunga dipilih sebagai simbol kepada perempuan adalah kerana ciri-ciri yang terdapat pada bunga antaranya ialah lembut, cantik, harum dan berjaya memukau pandangan sesiapa sahaja yang melihatnya. Oleh yang demikian, bunga memenuhi konteks seorang wanita kerana keindahan yang dimiliki oleh bunga berjaya menarik minat kumbang (lelaki) (Farahanum et. al., 2011).

Menerusi contoh rangkap pantun yang diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan elemen-elemen alam semula jadi seperti flora dan fauna dapat memberi kesan terhadap penghasilan pantun Melayu. Hal ini juga jelas menunjukkan bahawa elemen-elemen flora dan fauna menjadi asas penting dalam penciptaan pantun masyarakat Melayu. Malah, dengan menggunakan pendekatan semantik dan pragmatik telah berjaya menginterpretasikan unsur flora dan fauna dengan lebih berkesan disamping dapat menyampaikan maksud pantun kepada khalayak pembaca (Farahanum et. al., 2011).



### **3.0 Permasalahan Kajian**

Penyelidikan tentang fungsi bunga-bungaan dalam kehidupan manusia telah banyak dilakukan. Walau bagaimanapun, kajian tentang fungsi bunga yang memfokuskan tentang fungsi bunga sebagai bahan makanan, perubatan, kecantikan, terapi dan ritual dalam pantun Melayu masih kurang dijalankan. Kebanyakan kajian tentang pantun Melayu lebih terarah kepada aspek pemilihan leksikal tumbuh-tumbuhan, aspek semantik leksikal tumbuhan dalam pantun, simbol tumbuhan dalam pantun dan profil tumbuhan. Namun begitu, kajian yang menggunakan pendekatan etnobotani dalam mengkaji warisan pantun Melayu masih kurang dijalankan. Justeru, kajian yang rinci harus dilakukan untuk memperbanyakkan bahan ilmiah yang berkaitan tentang penggunaan aspek etnobotani dalam warisan kesusasteraan Melayu.

### **4.0 Objektif Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti fungsi bunga dalam kandungan pantun tradisi dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini termasuklah dalam pantun tradisi yang memiliki kepelbagaian tema. Fungsi bunga yang terkandung dalam penzahiran puisi masyarakat Melayu ini dinilai melalui aspek leksikal yang diguna pakai dalam penghasilan pantun. Kajian ini mengemukakan lima fungsi utama tumbuh-tumbuhan dalam kehidupan masyarakat iaitu sebagai sumber makanan, alat kecantikan, bahan dalam perubatan, bahan terapi dan bahan untuk melakukan sesuatu ritual (upacara).

### **5.0 Metodologi Kajian**

Data kajian adalah merupakan pantun Melayu yang mengandungi unsur tumbuhan-tumbuhan, sama ada tumbuh-tumbuhan yang terdapat di bahagian pembayang atau intipati pantun. Pantun diambil daripada teks "Pantun Melayu: Bingkisan Permata (2001)". Pantun-pantun tersebut merupakan pantun Melayu yang dikaji oleh seorang tokoh dalam bidang sastera negara iaitu Harun Mat Piah dan diterbitkan oleh Yayasan Karyawan Kuala Lumpur (2001). Pantun yang dipilih ialah pantun empat kerat yang mempunyai kepelbagaian tema antaranya tema kasih sayang, tema budi, tema perantauan, tema keagamaan dan sebagainya. Data pantun diklasifikasikan mengikut kategori kepelbagaiannya tumbuh-tumbuhan (flora) terutamanya jenis bunga yang mempunyai fungsi-fungsi tertentu dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Seterusnya pengkaji akan menghuraikan profil setiap kategori tumbuh-tumbuhan berdasarkan deskripsi fungsi tumbuhan tersebut. Pemerhatian terhadap unsur flora yang dipilih juga dilakukan bagi melihat citra dan fungsi bunga yang digunakan dalam baris pantun.

### **6.0 Analisis dan Dapatan Kajian**

#### **6.1 Fungsi Bunga Sebagai Bahan Makanan**

Pokok pauh dari Surati  
*Bunga selasih* dalam cerana  
Jangan susah di dalam hati  
Kalau kasih tidak ke mana.

(PMBP, 2007)



Terdapat juga bunga yang boleh dijadikan sebagai bahan makanan. Merujuk kepada pantun di atas, penggunaan leksikal bunga selasih dapat dilihat dalam baris kedua pantun. Merujuk kepada fungsi bunga selasih sebagai salah satu bahan makanan yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu. Meneliti ciri bunga selasih, bunganya berbentuk seperti loceng dengan warna putih atau merah jambu. Tampuk bunga pula berwarna ungu kehitaman. Bunga selasih ini menghasilkan biji selasih yang juga digunakan sebagai medium pembiakan. Biji selasih berwarna hitam dan bijinya akan mengembang dan menghasilkan selaput jernih apabila direndam ke dalam air. Pokok selasih memerlukan jumlah air yang cukup bagi pertumbuhan dan memerlukan kawasan yang mempunyai saliran yang baik (Noraida, 2005).

Menurut Noraida (2005), selasih mempunyai banyak khasiat. Selasih pada kebiasaannya direndam di dalam air panas untuk dijadikan teh. Manakala biji bunga selasih juga biasanya dicampurkan di dalam minuman sejuk seperti sirap selasih. Selain itu, selasih juga digunakan sebagai bahan perasa dalam masakan antaranya ialah masakan kari dan kepelbagaiannya jenis masakan Thailand. Selain itu, selasih juga dijadikan sebagai ulam-ulaman dan dapat menambahkan selera makan.

## 6.2 Fungsi Tumbuhan Sebagai Alat Kecantikan

*Bunga melur* mekar setangkai,  
Sungguh wangi bunga melati,  
Biar buruk kain dipakai,  
Asal pandai mengambil hati.

(PMBP, 1245)

Melur merupakan sejenis pokok renek dengan habitatnya tumbuh merendang dengan tinggi tidak melebihi tiga meter. Bentuk daunnya bujur dan agak tebal sedikit dengan ukuran panjang kira-kira 5 cm dan lebar 3cm. Pokok bunga melur atau juga dikenali sebagai bunga melati mengeluarkan bunga yang berwarna putih berlapis-lapis dan mengeluarkan bau yang sangat wangi. Pokok dan bunganya agak menyerupai pokok Susun Kelapa dan juga pokok Restong. Bezanya bunga restong tidak berlapis dan tidak berbau wangi (Sabda S., 2011).

Bunga melur atau nama saintifiknya *Jasminum Sambac* berasal dari famili *Oleaceae*. Pokok bunga melur mengeluarkan bunga yang banyak dan berbau harum terutamanya pada waktu pagi dan malam. Bunga melur merupakan salah satu tumbuhan yang mempunyai banyak kegunaan. Bunga melur bukan sahaja cantik dari aspek fizikal, tetapi juga mempunyai banyak khasiat. Golongan wanita zaman dahulu juga menggunakan bunga melur sebagai hiasan yang diletakkan di sanggul rambut dan menjadi salah satu jenis bunga yang digunakan untuk mandi bunga. Kajian yang dilakukan oleh Wan Husni Wan Abdullah (2019), amalan mandi bunga yang menjadi kebiasaan oleh orang Melayu adalah dengan menggunakan tujuh jenis bunga yang biasanya berbau harum yang direndamkan di dalam air.

Pati utama dalam bunga melur digunakan sebagai bahan utama untuk wangian. Selain itu, bunga melur juga dapat meredakan beberapa jenis penyakit antaranya ialah resdung, sakit lelah, sakit kepala, demam panas. Malah, bunga melur digunakan sebagai bahan campuran untuk menghilangkan panau. Khasiat yang terdapat dalam bunga melur bukan sedikit, malah bunga melur juga digunakan untuk kegunaan ibu yang menyusu. Bunga melur digunakan untuk memperbanyak susu ibu (Sabda S., 2011).



### **6.3 Fungsi Tumbuhan Dalam Perubatan**

Buah langsat kuning mencelah  
Senduduk tidak berbunga lagi  
Sudah dapat gading bertuah  
Tanduk tidak berguna lagi

(PMBP, 2007)

Unsur tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam pantun juga mendukung fungsi sebagai tumbuhan ubatan yang sering digunakan dalam aspek perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat menerusi pantun yang disertakan di atas. Bunga senduduk atau nama saintifiknya Melastoma Malabathricum merupakan sejenis pokok renek yang tergolong dalam keluarga Melastomataceae. Pokok senduduk ini biasanya dijumpai di kawasan semak dan belukar yang tidak terlalu tebal. Pokok senduduk juga dikenali dengan nama akar senduduk hitam, sekenduduk, keduduk, seduduk dan kodok. Bunga senduduk amat terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu kerana dijadikan sebagai ubat luka terutamanya luka bersalin.

Merujuk kepada ciri fizikal pokok senduduk, ketinggiannya boleh mencapai sehingga tiga meter panjang. Batang senduduk berwarna kemerah-merahan dan terdapat bulu-bulu halus pada keseluruhan pokok ini. Manakala daunnya pula dari jenis tunggal, berwarna hijau dan mempunyai permukaan kesat dan berbulu. Bunga senduduk pula terdiri daripada beberapa warna dan bunga yang berwarna ungu gelap dan merah jambu adalah paling banyak ditemui, manakala warna putih adalah paling jarang dijumpai. Senduduk putih kebiasaannya ditanam bagi tujuan perubatan (Norsuraya, 2008).

Dalam dunia perubatan tradisional, pokok senduduk banyak digunakan untuk mengubati penyakit tertentu. Bahagian pokok senduduk yang sering digunakan dalam perubatan pula ialah daun, akar buah dan biji. Masyarakat Melayu tradisional menggunakan pokok senduduk untuk mengubati luka dan menghentikan aliran darah dengan mengunyah daun senduduk dan diletakkan di tempat yang luka. Malah, kajian klinikal juga menunjukkan daun senduduk muda mampu menghentikan masalah cirit-birit. Manakala dengan meminum rebusan daun senduduk dengan halia juga dapat mengurangkan penyakit keputihan bagi wanita.

Selain itu, daun bersama akar senduduk yang digiling bersama dapat menghilangkan parut cacar. Daun senduduk yang telah dikeringkan pula boleh dijadikan sebagai air rebusan dan diminum oleh ibu bersalin sepanjang tempoh berpantang. Air rebusan tersebut baik untuk mengecutkan rahim sehingga habis waktunya berpantang. Dengan mengamalkan meminum air rebusan senduduk juga membantu menjadi penawar kepada penyakit lain iaitu penyakit buasir. Air rebusan daripada batang dan akar senduduk pula berupaya mengurangkan sakit gigi iaitu dengan berkumur dengan air rebusan suam. Antara kegunaan lain air rebusan pokok senduduk jika sering diamalkan adalah untuk mengurangkan lenguh-lenguh badan dan sakit sendi. Justeru, pokok senduduk memiliki banyak kegunaan dalam perubatan masyarakat Melayu tradisional.

### **6.4 Fungsi Bunga Sebagai Bahan Terapi**

Bunga mawar sedang mekar  
Bunga melur jauh terasing  
Bagai emas dalam belukar  
Melepaskan pucuk masing-masing

(PMBP, 2007)



Meneliti pula fungsi bunga sebagai bahan terapi. Menerusi dua rangkap pantun di atas, terdapat bunga mawar, bunga melur dan bunga kemboja yang sering digunakan sebagai bahan terapi. Ketiga-tiga jenis bunga ini banyak digunakan sebagai bahan terapi adalah kerana ketiga-tiga jenis bunga tersebut mengeluarkan bau-bauan yang sangat harum. Bunga mawar, bunga melur dan bunga kemboja sering dijadikan bahan dalam proses terapi iaitu mandi bunga dalam kalangan masyarakat Melayu.

Bunga mawar merupakan salah satu bunga yang diminati ramai kerana bentuk dan warnanya yang sangat menarik. Secara ringkasnya, bunga mawar mempunyai bau yang wangi, batang berduri dan warna yang pelbagai. Maka, tidak hairanlah bunga ini dijadikan sebagai salah satu bahan terapi dalam proses mandi bunga. Umumnya, ramai pengusaha kosmetik mengetahui bahawasanya salah satu bahan yang dikenal pasti memberi manfaat kepada kulit iaitu air mawar (Santika, 1996).

Oleh itu, faktor ini menjadi amat penting bagi wanita yang mengutamakan kesihatan kulit mereka. Ini kerana kulit merupakan organ yang terbesar yang berfungsi sebagai pelindung badan daripada penyakit. Maka tidak hairanlah bunga mawar ini memiliki nilai ekonominya yang tinggi, diminati pengusaha kosmetik malah dapat dibudayakan secara komersial kerana bersesuaian dengan permintaan pasaran. Sesuai dengan kegunaannya yang pelbagai, bunga mawar ini telah dikelompokkan kepada empat jenis iaitu mawar potong, mawar tanam, mawar tabur dan mawar kosmetik (Marlina et. All, 2009).

Jika tuan jalan ke hulu  
Petikkan saya kembang kemboja  
Jika tuan mati dahulu  
Tunggu saya di pintu syurga.

(PMBP 2007, 3719)

Manakala bunga kemboja mempunyai batang yang lembut, berwarna kelabu asap dan memiliki ketinggian tiga hingga lima meter. Pokok bunga kemboja mempunyai jenis daun yang ringkas, berbentuk bulat dan tajam di hujung. Bunga yang dihasilkan pula adalah bertangkai panjang di hujung dahan. Bunga kemboja mempunyai kepelbagaiannya warna antaranya ialah warna merah, merah muda, kuning, dan putih (Ong, H.C., 2006).

Bunga kemboja juga mempunyai banyak fungsi lain antaranya sebagai bahan dalam perubatan dan tanaman hiasan. Di kepulauan Hawaii yang terletak di Lautan Pasifik, bunga kemboja sering kali digunakan sebagai hiasan oleh masyarakat sama ada kaum wanita atau lelaki (Ong, H.C., 2006). Namun begitu, kecantikan dan bau harum yang dimiliki oleh bunga kemboja menjadikannya salah satu bahan dalam terapi mandi bunga yang menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Melayu.

Menurut Wan Husni et. All (2019), terapi mandi bunga dalam perubatan Melayu dapat dipecahkan kepada dua iaitu terapi mandi bunga yang diharuskan oleh Islam iaitu bertujuan menaikkan aura, meningkatkan semangat (motivasi) dan seri pengantin. Manakala terapi mandi bunga yang diharamkan dalam Islam adalah mandi bunga bagi tujuan mempercepatkan jodoh dan membuang sial atau mendatangkan tuah. Namun begitu, jika diperhatikan daripada tujuan samada terapi mandi bunga yang diharuskan atau diharamkan oleh syariat Islam, dapat disimpulkan bahawa terapi mandi bunga ini digunakan oleh orang Melayu untuk merawat penyakit berkaitan dengan aspek kerohanian.

Menurut beliau lagi, dengan menggabungkan unsur alam iaitu air dan bunga maka ia memberikan nilai perubatan untuk penjagaan kesihatan rohani untuk menaikkan semangat, aura dan seri muka. Kesan terapi mandi bunga terhadap penjagaan kesihatan rohani seperti masalah mental adalah kerana faktor air yang sejuk, haruman daripada bunga-bunga dan warna bunga yang digunakan dalam terapi mandian boleh membangkitkan aura positif dan memberikan ketenangan (Wan Husni, et. All, 2019).



## 6.5 Fungsi Bunga Sebagai Bahan Ritual

Sirih Aceh warnanya perang  
Kuntum melati sukar di gubah  
Bercerai jauh kita sekarang  
Di dalam hati jangan berubah.

(PMBP 2007, 3462)

Sedap baunya kenanga hutan  
Tarik akar jalinkan lantai  
Sedap baunya adinda tuan  
Lekat di kain kekanda pakai.

(PMBP 2007, 920)

Seterusnya, meneliti pula fungsi bunga sebagai bahan dalam menjalankan upacara-upacara tertentu dalam sesebuah masyarakat tertentu. Menerusi dua pantun di atas, terdapat penggunaan aspek flora dalam pantun iaitu bunga melati dan bunga kenanga. Bunga melati adalah sejenis bunga yang banyak digunakan dalam perayaan pernikahan ataupun kematian. Hal yang demikian adalah kerana bunga melati mempunyai sifat kesucian dan menjadi lambang kesetiaan kerana warnanya yang putih bersih (Stevano, B., 2005). Bunga melati amat digemari oleh kaum wanita Indonesia. Bunganya memiliki bau yang harum semerbak.

Manakala bunga kenanga atau nama saintifiknya *Cananga odorata* pula merupakan tanaman yang biasanya ditanam sebagai tanaman pagaran. Ciri fizikal bunga kenanga ialah mempunyai ketinggian sehingga dua meter. Pokoknya tidak sebesar pokok liar di hutan. Mempunyai batang berkayu dan dibiakkan melalui biji benih dan keratan batang. Bunga kenangan juga mempunyai bau yang harum. Bunga kenangan tidak termasuk dalam tumbuhan herba (Noraida, 2005). Dalam upacara pernikahan masyarakat Jawa, bunga kenanga merupakan simbol penghormatan kepada keturunan atau dikenali sebagai leluhur dalam kalangan masyarakat Indonesia.

Penggunaan bunga melati dan bunga kenanga adalah satu kemestian dalam menjalankan upacara pernikahan adat dalam kalangan masyarakat Jawa di sekitar Keraton Kasunanan Surakarta Hadiningrat. Menurut Titri et. All (2018), bunga melati dianggap sebagai salah satu simbol kesucian dalam upacara perkahwinan bagi mereka. Menurut beliau lagi, penggunaan tumbuhan sebelum pelaksanaan upacara pernikahan dalam adat masyarakat Jawa adalah bertujuan untuk mempersiapkan calon pengantin supaya tampil berseri menjelang majlis pernikahan. Manakala persiapan yang dilakukan sebelum pelaksanaan upacara pernikahan pula adalah seperti menyediakan jamu, mandi lulur, ataupun rawatan tubuh yang lain.

Seterusnya, proses upacara pernikahan diteruskan dengan upacara siraman yang merupakan upacara untuk memandikan calon pengantin sebelum melaksanakan upacara pernikahan. Upacara siraman secara tersirat adalah bertujuan untuk membersihkan segala kotoran jiwa dan raga untuk memulakan kehidupan baru dalam perkahwinan. Menurut Kamal (2014), upacara siraman juga bertujuan untuk membersihkan diri calon pengantin, baik secara jasmani dan rohani melalui doa-doa yang dipohon kepada orang tua dan saudara dalam keluarga.

Hasil penelitian yang telah dilaksanakan oleh Titri et. All (2018) mendapati bahawa data nilai kepentingan budaya hasil dari analisis *Index of Cultural Significance* (ICS) dari jenis tumbuhan yang digunakan dalam upacara pernikahan adat Jawa. Sebanyak 47 jenis tumbuhan dengan rentang nilai ICS. Spesis dengan nilai ICS tertinggi, iaitu dimiliki oleh melati (*Jasminum sambac Ait.*) dan kenanga (*Cananga odorata Lam.*). Spesis tersebut memiliki nilai ICS yang lebih tinggi dari tumbuhan lain kerana tujuan penggunaannya yang sangat tinggi. Hal yang demikian kerana bunga melati dan bunga kenanga digunakan dalam hampir kesemua upacara pernikahan, serta



menjadi komponen utama yang sangat penting dan tidak dapat diganti dengan spesies bunga-bungaan yang lain.

**Jadual 1:** Bunga-bunga yang terdapat dalam pantun, pengelasan dan fungsi

Gambar Rajah	Ciri-ciri	Kegunaan
 Bunga selasih	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bunganya berbentuk seperti loceng</li> <li>▪ Berwarna putih atau merah jambu</li> <li>▪ Tampuk bunga bewarna ungu kehitaman</li> <li>▪ Menghasilkan biji selasih sebagai medium pembiakan</li> <li>▪ Bijinya berwarna hitam</li> <li>▪ Memerlukan jumlah air yang banyak untuk membiak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bahan penambah rasa dalam masakan</li> <li>▪ Bijinya dicampur dengan minuman sejuk</li> <li>▪ Bunganya direndam di dalam air teh</li> <li>▪ Dijadikan ulam-ulaman</li> </ul>
 Bunga melur/melati	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sejenis pokok renek</li> <li>▪ Bunganya berwarna putih, berlapis-lapis dan berbau wangi</li> <li>▪ Agak menyerupai pokok susun kelapa dan restong</li> <li>▪ Sebagai simbol kesucian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sebagai alat kecantikan, hiasan sanggul wanita Melayu</li> <li>▪ Bahan utama dalam produk wangian</li> <li>▪ Untuk menambahkan susu ibu</li> <li>▪ Merawat penyakit panau</li> <li>▪ Bahan ritual pernikahan dan kematian di Indonesia</li> </ul>
 Bunga senduduk	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Biasanya dijumpai di kawasna semak</li> <li>▪ Juga dikenal dengan nama akar senduduk hitam, sekenduduk</li> <li>▪ Batang senduduk berwarna kemerahan dan terdapat bulu halus padanya</li> <li>▪ Bunganya berwarna ungu gelap dan merah jambu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bunganya digunakan untuk merawat luka bersalin</li> <li>▪ Daun digunakan untuk merawat menghentikan aliran darah luka</li> <li>▪ Daun muda merwat cirit-birit</li> <li>▪ Akar senduduk menghilangkan parut cacar</li> <li>▪ Air rebusan untuk mengecutkan rahim selepas bersalin, merawat buasir dan sakit gigi</li> </ul>



 <p>Bunga mawar</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bau yang sangat wangi</li> <li>▪ Warna yang pelbagai</li> <li>▪ </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Air mawar bermanfaat pada kecantikan kulit</li> <li>▪ Bahan terapi dalam mandi bunga</li> <li>▪ Bahan kosmetik seperti minyak wangi</li> </ul>
 <p>Bunga kemboja</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mempunyai batang yang lembut</li> <li>▪ Bunga bertangkai panjang</li> <li>▪ Berwarna merah, putih, kuning dan merah muda</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bahan perubatan</li> <li>▪ Terapi mandi bunga</li> <li>▪ Hiasan sanggul wanita Melayu</li> <li>▪ Hiasan bagi kaum lelaki dan wanita di Hawaii</li> <li>▪ Dijadikan tanaman di tanah perkuburan</li> </ul>
 <p>Bunga kenanga</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tanaman pagaran</li> <li>▪ Pokoknya tidak sebesar pokok liar</li> <li>▪ Batang berkayu</li> <li>▪ Mempunyai bau yang harum</li> <li>▪ Dibiakkan melalui biji benih dan keratan batang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menjalankan upacara pernikahan masyarakat Jawa</li> <li>▪ Air siraman upacara perkahwinan masyarakat Jawa</li> <li>▪ Digunakan dalam upacara ritual perbomohan</li> </ul>

## 7.0 Kesimpulan

Berdasarkan hasil penelitian, maka dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melayu memiliki keakraban dengan alam sekitar sama ada unsur flora maupun fauna. Dalam setiap aspek kehidupan, masyarakat Melayu menggunakan aspek flora untuk kelangsungan hidup. Antaranya ialah tumbuh-tumbuhan dijadikan sebagai makanan, alat kecantikan, bahan untuk menjalankan upacara tertentu, dan digunakan dalam penghasilan ubat-ubatan. Justeru, penggunaan unsur tumbuh-tumbuhan dalam pantun membuktikan betapa pentingnya fungsi tumbuhan dalam kehidupan manusia. Penggunaan pantun sebagai salah satu wadah komunikasi oleh masyarakat Melayu adalah untuk menjalankan kehidupan sehari-hari. Bukan itu sahaja, pantun juga menjadi satu alat hiburan dalam kalangan masyarakat. Malah, fungsi terpenting pantun iaitu sebagai medium untuk memberikan nasihat dan teguran menjadikan pantun sebagai satu



khazanah warisan yang perlu dipertahankan dan dilestarikan. Justeru, penggunaan unsur flora dalam penghasilan pantun Melayu adalah relevan kerana hubungan yang rapat antara manusia dan alam sekitar.

## Rujukan

- Bahrin Samah. (2009). *Serangan Jantung, Punca Pencegahan & Kaedah Meredakan*. Shah Alam: Alaf 21.
- Faezah Kasim. (2005). *Kepercayaan Orang Melayu Tradisional Dan Hubungannya dengan Alam Sekitar*. Jil. 3, Bil. 1, Jun 2005, (Hlm: 172). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farahanum Abdul Rahman Et. All. (2011). *Unsur Flora Dan Fauna Dalam PantunMelayu: Interpretasi Pragmatik*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Francois-Rene Daililie. (2002). *Alam Pantun Melayu: Studies On The Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2001). *Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Haugen E (1972) *The Ecology of Language*. Stanford University Press, Stanford California.
- Jeniri Amir. (2005). *Sirih Pinang Pembuka Bicara*. Dewan Budaya, Ogos (Hlm: 10-12). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marlina, N., Rohayati, E., (2009), *Teknik Perbanyakkan Mawar dengan Kultur Jaringan, Buletin Teknik Pertanian*, 14(2): 65-67, Balai Penelitian Tanaman Hias Jalan Raya Cihereng, Pacet, Cianjur.
- Noraida Arifin. (2005). *Penyembuhan Semula Jadi Dengan Herba*. Pts Litera Utama.
- Norsuraya Desa. (2008). *1001 Misteri Alam: Menyingkap 1001 Misteri Alam*. Selangor: Buku Prima Sdn. Bhd.
- Novianti Surya Putri Et. All. (2017). Proses Upacara Berinai Pada Pengantin Di Desa Teubang Phui Baru Kecamatan Montasik Kabupaten Aceh Besar. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Pendidikan Kesejahteraan Keluarga*. Vol. 2, No. 4, November 2017 (Hlm: 42-57).
- Ong, H.C. (2006). *Tanaman Hiasan: Khasiat Makanan Dan Ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ong, H.C. (2008). *Rempah Ratus: Khasiat Makanan & Ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sabda S. (2011). *202 Khasiat Herba*. Shah Alam: Group Buku Karangkraft Sdn. Bhd.
- Santika. (1996). *Arah dan Strategi Penelitian Tanaman Hias untuk Menunjang Sistem Usaha Petanian Berwawasan Agribisnis*. Seminar Penelitian Tanaman Hias, Jakarta, 20 Mac 1996. Balai Penelitian Tanaman Hias, Jakarta.



- Stevano, B. (2005). *20 Kreasi Bunga Dengan Colendraw 12*. Jakarta: PT Elex Media Kompuntindo.
- Syazalia Roslan. & R. Legino (2016). *Properties of Mandi Bunga (Flowering Bath) as Malaysia Tradition Practice*. 3rd ISME International Colloquim. Universiti Teknologi MARA, Melaka, 27-28 Disember 2016.
- Yusmilayati Yunos & Noriah Mohamed. (2011). *Ramuan Flora Dan Fauna Dalam Mujarabat Melayu*. Jumantara Vol. 2, No. 2, 2011 (Hlm: 1-29).
- Zawiah Ngah & Othaman Hasin. (2012). *Sembilan Puluh Sembilan Spesies Buah di FRIM*. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
- Aishah@Eshah Haji Mohamed Abd. Aziz Haji. Bidin. (2011). *Wanita Melayu Dan Tumbuhan Ubatan: Satu Analisis Budaya*. Jurnal Melayu (7) 2011, (Hlm: 121-146).
- Aishah@Eshah Hj. Mohamed & Abd. Aziz Hj. Bidin. (2012). Tumbuhan Dalam Upacara Perbomohan: Kes Main Teri Di Kelantan. *GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal Of Society And Space*, 8 Issue 4, 2012 (Hlm: 56-63).
- Eizah Mat Hussain Et. All. 92015). Simbol Tumbuhan Dalam Pantun Dari Perspektif Puitika Sastera Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 26, 2015* (Hlm: 235 255).
- Eko Baroto Walujo. (2011). Sumbangan Ilmu Etnobotani Dalam Memfasilitasi Hubungan Manusia Dengan Tumbuhan Lingkungannya. *Jurnal Biologi Indonesia*. Vol. 2, No. 2, 2011 (Hlm. 375-391).
- Kamal, Fahmi. (2014). Perkahwinan Adat Jawa Dalam Kebudayaan Indonesia. *Jurnal Khasanah Ilmu V* (2)
- Titri A., Sri Utami & Murningsih. (2018). Kajian Etnobotani Tumbuhan yang Digunakan Pada Upacara Pernikahan Adat Jawa Di Sekitar Keraton Kasunanan Surakarta Hadiningrat. *Jurnal Biologi*, Volume 7 No 3, Juli 2018. Hal: 13-20
- Kartini Abd Wahab. (2016). Profil Tumbuh-tumbuhan Dalam Pantun Melayu. *GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal Of Society And Space*. 12 Issue 11, 2016 (Hlm: 29-43)
- Wan Husni Wan Abdullah et al. (2019). Terapi Mandi Bunga dalam Perubatan Melayu untuk Penjagaan Kesihatan Mental. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. vol. 6, no.2-2 (2019) pp. 123- 135
- Wan Husni Wan Abdullah et. all. (2019). Terapi Mandi Bunga Dalam Perubatan Melayu untuk Penjagaan Kesihatan Mental. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. vol. 6, no.2-2, 2019
- <https://hellodoktor.com/ms/gaya-hidup-sihat/pemakanan/buah-berangan-snek-sihat/>
- <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/68106/perih-mencari-daun-palas>

